

06/02/2001

Pemimpin sedih kejadian di perhimpunan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Beberapa pemimpin Umno terkilan dan sedih dengan tindakan penganjur perhimpunan 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' di sini semalam, yang menggunakan majlis itu untuk menghentam kepemimpinan parti itu dan kerajaan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata matlamat perhimpunan itu sepatutnya untuk memupuk perpaduan, mempertahankan hak dan memperkukuhkan kepemimpinan Melayu, tetapi jelas lari daripada tujuan asalnya.

"Menggunakan majlis itu untuk mempertikaikan dasar kerajaan seolah-olah membuka pekung di dada.

"Kerajaan boleh menerima kritikan asalkan ia tidak dibuat secara terbuka. Sepatutnya, kita gunakan saluran yang betul. Saya berharap kejadian yang serupa tidak berulang pada masa akan datang," katanya kepada Berita Harian.

Perhimpunan anjuran Badan Bertindak Melayu (BBM) itu yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam mencetuskan kontroversi apabila beberapa ahli Umno yang sebelum ini pernah memegang jawatan penting dalam parti, secara terbuka mengkritik kepemimpinan Umno selain menyindir program penswastaan kerajaan.

Seramai lapan orang berucap pada perhimpunan selama kira-kira tiga jam itu.

Umno.online menyatakan kecuali bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan tokoh pendidik, Tan Sri Awang Had Salleh, hampir kesemua yang lain membuat kecaman secara langsung atau tidak langsung terhadap pemimpin Umno dan dasar kerajaan.

Turut berucap, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus. Mereka hadir dalam kapasiti peribadi.

Penceramah lain termasuk Ketua Penyelaras Sekretariat BBM, Datuk Paduka Ibrahim Ali; bekas exco Pemuda Umno, Datuk Mazlan Harun; bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Suhaimi Kamaruddin; bekas naib ketua Pemuda Perak, Tajuddin Abdul Rahman.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula berkata perhimpunan seumpama itu tidak seharusnya menjadi gelanggang untuk membelasah kepemimpinan Umno.

"Saya dengar sebahagian ucapan okey, tetapi sebahagian lagi mengutuk pemimpin. Saya rasa semacam tidak kena dan lari daripada matlamat sebenar perhimpunan itu," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata, majlis seumpama itu seharusnya digunakan untuk menyedarkan orang Melayu dan peranan yang boleh dimainkan untuk merebut segala peluang yang disediakan oleh kerajaan.

Katanya, perbincangan perlu ditumpu kepada usaha bagaimana orang Melayu boleh melangkah maju serta menguasai pelbagai bidang bagi mengangkat martabat mereka.

"Mereka ini (yang berucap di majlis itu) bagaikan melepas geram.... mengutuk pemimpin seperti dilakukan pembangkang. Kita ada saluran seperti Majlis Tertinggi (MT) dan perhimpunan agung Umno.

"Gunakanlah perhimpunan agung Umno untuk meluahkan rasa tak puas hati, bukan untuk mengampu saja," katanya.

Pada akhir perhimpunan itu semalam, Ibrahim mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Petugas Khas untuk menangani segala permasalahan serta

kepentingan orang Melayu.

Jawatankuasa itu yang diketuai Ghafar diberi tempoh sehingga Jun ini untuk membuat rumusan.

Memorandum itu kemudian akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)